

26/11/2003

Abdullah puas hati rakyat terima keputusan

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi gembira kerana hampir sebulan menyandang jawatan Perdana Menteri, beliau berupaya untuk membuat keputusan terhadap pentadbiran negara yang secara amnya diterima baik oleh rakyat.

Abdullah berkata, beliau menerima maklum balas positif daripada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk peniaga dan kontraktor sejak mengambil alih jawatan itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

"Setakat ini, saya boleh menguruskannya... apa saja isu yang dikemukakan kepada saya, saya berupaya membuat keputusan dan setakat ini keputusan itu adalah baik. Itulah apa yang orang bagi tahu saya," katanya pada sidang media di Rumah Terbuka Aidilfitri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata, masih banyak lagi perkara yang akan ditanganinya dan memberi jaminan semua keputusan yang dibuat adalah baik.

Sejak menyandang jawatan Perdana Menteri, Abdullah meminta semua jabatan kerajaan, terutama yang berurusan dengan orang ramai untuk memberikan khidmat dengan lebih cekap kepada rakyat.

Beliau kemudian mengarahkan semua agensi kerajaan segera membayar sejumlah RM3.8 bilion kepada kontraktor yang sudah menyiapkan kerja kontrak untuk kerajaan.

"Saya mahu kerajaan menjadi pembayar yang baik dan kita mesti bayar apabila kita berhutang kepada orang. Kerajaan tidak boleh berhutang kepada rakyat biasa. Kontraktor, besar atau kecil, kita mesti bayar. Ini telah dilakukan," katanya.

Beliau berkata, pembayaran pada jumlah yang besar itu juga membantu menggerakkan ekonomi negara.

Menjawab pertanyaan wartawan asing sama ada beliau seronok menjadi Perdana Menteri, Abdullah berkata: "Saya selalu seronok".

Sementara itu ketika ditanya bila beliau akan mengumumkan Timbalan Perdana Menteri yang baru, Abdullah berkata ia akan dibuat apabila tiba masanya.